

3755/2
Perdagangan
Kertas 2
Ogos
2008
2 jam



JABATAN PELAJARAN TERENGGANU

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008**

PERDAGANGAN

Kertas 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab **tiga** soalan daripada **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan*
5. *Penggunaan kalkulator saintifik yang **tidak** boleh diprogramkan adalah dibenarkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak

Bahagian A

Jawab mana-mana **tiga** soalan dalam bahagian ini

1. a) Pernyataan di bawah berkaitan keperluan manusia.

“Berikutan kejayaan cemerlang Nicol Ann David dalam pertandingan squash terutama peringkat antarabangsa, beliau telah menerima anugerah tertinggi sukan negara iaitu Olahragawati Negara 2007.”

Berdasarkan pernyataan di atas, terangkan keperluan Maslow yang berkaitan?

[4 markah]

- b) “Pengkhususan merupakan penumpuan sesuatu aktiviti produktif atau melakukan sesuatu pekerjaan tertentu secara khusus”

i. Terangkan 3 jenis pengkhususan.

[5 markah]

ii. Nyatakan kelebihan pengkhususan.

[4 markah]

- c) Encik Baharun pengusaha perabot terkemuka di Daerah Kemaman dan perabotnya mendapat sambutan mengalakkan di Pantai Timur dan beliau berusaha untuk memenuhi permintaan pelanggannya.


Terangkan bagaimana pengangkutan boleh membantu Encik Baharun dalam memenuhi permintaan pelanggannya.

[5 markah]

- d) Mengapakah kedai runcit keci-kecilan masih dikunjungi pengguna walaupun berlaku kemunculan peruncit besar-besaran seperti pasar raya dan pasar raya besar.

[7 markah]

2. a) Maklumat berikut mengenai perniagaan antarabangsa



Apakah kebaikan kepada syarikat tersebut kesan daripada keputusan yang diambil.

[8 markah]

b) Maklumat berikut berkaitan dengan IKS.

- Pihak kerajaan telah merangka pelbagai strategi supaya masalah IKS dapat diatasi
- Oleh itu, kerajaan telah menubuhkan pelbagai agensi serta menyelaraskan program bantuan untuk disalurkan kepada pengusaha IKS

Berdasarkan pernyataan di atas, namakan bentuk bantuan kerajaan dan agensi yang terlibat membantu pengusaha IKS.

[7 markah]

c) Jelaskan lima faktor yang perlu dipertimbangkan semasa memulakan perniagaan

[10 markah]

3.

Pelaburan dalam akaun simpanan tetap dianggap sebagai pelaburan berisiko rendah

a) Adakah anda bersetuju dengan kenyataan di atas serta berikan alasannya. [5 markah]

b) Nyatakan perbezaan antara pelabur dengan spekulator. [6 markah]

c) Keadaan ekonomi negara merupakan faktor utama yang mempengaruhi harga saham di pasaran. Jelaskan. [4 markah]

d) Apakah perbankan elektronik (e-banking)? [3 markah]

e) Berikut adalah dialog antara Encik Aiman dengan isterinya Puan Leha.

Encik Aiman : Sekarang kos pendidikan semakin meningkat. Jadi saya bercadang untuk mengambil insurans pendidikan untuk anak-anak kita.

Puan Leha : Baguslah. Saya sangat setuju kerana jika berlaku sesuatu yang tidak baik kepada kita, peluang mereka untuk melanjutkan pelajaran tidak akan terjejas.

i) Apakah maksud insurans pendidikan? [3 markah]

ii) Jika Encik Aiman ingin meneruskan rancangannya itu, apakah yang patut dilakukan oleh beliau? [4 markah]

4. a) Mengapakah kapal terbang menjadi pengangkutan yang semakin popular pada masa kini?
[6 markah]
- b) Terangkan fungsi-fungsi :
- i) Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) [3 markah]
 - ii) Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) [4 markah]
- c) Syarikat Warisan Travel Sdn. Bhd. ialah sebuah syarikat pelancongan tempatan yang sedang mempromosi program “ Tahun Melawat Terengganu 2008 ”.
- Terangkan kegunaan alat komunikasi berikut kepada syarikat tersebut:
- i) Telefaks
 - ii) Internet [8 markah]
- d) Jelaskan maksud gudang kerajaan [4 markah]

5.

MY GIANT HYPER MARKET

JUALAN PERTENGAHAN TAHUN

POTONGAN HARGA SEHINGGA 80%

- a) Berdasarkan iklan di atas, Puan Dahlia bercadang untuk membeli belah di pasar raya besar tersebut.
Adakah anda bersetuju dengan cadangan beliau? Kemukakan alasan anda. [4 markah]
- b) Nyatakan faktor-faktor lain yang dipertimbangkan sebelum membeli dengan bijak?
[8 markah]
- c) Encik Siddiqin menjalankan perniagaan nasi dagang istimewa di Teluk Ketapang, Kuala Terengganu. Beliau mempunyai lima belas orang pekerja berpengalaman. Ramai pelanggan mengunjungi restoran beliau menyebabkan pekerja beliau sering mengeluh kerana terpaksa bekerja lebih masa tanpa menerima imbuhan tambahan.
- Terangkan tanggungjawab Encik Siddiqin terhadap pekerjaanya. [5 markah]
- d) Encik Firdaus merupakan pengusaha bumiputera tunggal yang mengusahakan ladang buah naga di Terengganu. Beliau sering mendapatkan bantuan khidmat nasihat daripada MARDI. Manakala bagi memasarkan buah naga, beliau mendapatkan bantuan daripada sebuah agensi kerajaan.
- i) Nyatakan agensi kerajaan yang dimaksudkan. Mengapakah Encik Firdaus mendapatkan bantuan daripada agensi tersebut. [5 markah]
 - ii) Perlukan Encik Firdaus mendapatkan bantuan daripada pemborong bagi memasarkan hasil keluaran ladangnya? [3 markah]

Bahagian B

Bahagian ini mengandungi **satu** soalan yang wajib dijawab

6. Kajian Kes

Eneik Hisham adalah juruan Universiti Malaya dalam bidang perakaunan dan bekerja sebagai pegawai kewangan di sebuah bank terkemuka di Kuala Terengganu. Beliau berasal dari keluarga nelayan di Kampung Fikri, Setiu. Sebahagian besar penduduk kampung tersebut bekerja sebagai nelayan dan berpendapatan rendah.

Melihatkan keadaan ini, beliau bertekad untuk mengubah nasib keluarga dan penduduk kampungnya. Setelah 13 tahun bertugas sebagai pegawai kewangan bank, beliau telah membuat keputusan untuk berhenti kerja dan ingin menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan.

Dengan berbekalkan simpanan sendiri dan ganjaran berhenti kerja, beliau telah memulakan perusahaan membuat keropok dan keluaran berkaitan hasil laut. Beliau mendirikan sebuah bengkel memproses keropok dan keluaran berkaitan di kampungnya. Bengkel perusahaannya menggunakan mesin pemprosesan berteknologi terkini bagi memastikan keluaran bermutu dan mendapat pasaran baik. Beliau membeli sebahagian besar hasil tangkapan penduduk kampung berkenaan dengan harga berpatutan, dengan ini hasil nelayan tidak lagi dijual kepada orang tengah dan ini dapat meningkatkan pendapatan penduduk.

Pada peringkat permulaan beliau menghadapi banyak rintangan terutama untuk menguasai pasaran sekitarnya kerana banyak persaingan dari pengusaha keropok sedia ada. Dengan dibantu pekerja tempatan yang berpengalaman dan promosi yang dibuat, perusahaannya telah mula berkembang ke pasaran yang lebih luas. Bagi mengembangkan lagi perusahaannya, beliau telah menjalankan kajian bagi menghasilkan keluaran lain berasaskan keropok dan ikan. Beliau telah berjaya menghasilkan keropok pelbagai rasa dan keluaran lain seperti kerepek ikan, udang, sotong dan bebola pelbagai rasa.

Hasil pengeluarannya dibekalkan kepada sebahagian penjaja atau penggerai yang berniaga di sepanjang jalan utama yang merentasi kampung tersebut. Beliau juga telah membuka sebuah kedai bernama “Kedai Hisham” di bandar Setiu yang menjual berbagai hasil keluaran perusahaannya kepada pelanggan. Ini menambahkan lagi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

Hasil kejayaannya telah mendapat pengiktirafan kerajaan dan beliau telah dianugerahkan sebagai Tokoh Usahawan Negeri 2007. Beliau masih belum puas dan menanam tekad suatu hari nanti beliau akan dapat memperluaskan perusahaannya sebagai sebuah syarikat awam terkemuka dengan pelbagai fungsi. Beliau ingin mencontohi syarikat terkemuka negara RHB Bank yang bermula dari sektor perladangan.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut:

- a) Nyatakan 2 cabang pengeluaran yang terdapat dalam kes di atas? *[2 markah]*
- b. Terangkan 3 faktor pengeluaran yang terlibat dalam perusahaan memproses keropok Encik Hisham. *[6 markah]*
- c. i) Nyatakan ciri-ciri usahawan yang ada pada Encik Hisham. *[4 markah]*
- ii) Terangkan 3 sumbangan Encik Hisham kepada masyarakat. *[5 markah]*
- d. i) Nyatakan jenis kedai yang ditubuhkan oleh Encik Hisham. *[1 markah]*
- ii) Terangkan faedah jika Encik Hisham berjaya menukarkan perniagaan kepada syarikat awam. *[7 markah]*

KERTAS SOALAN TAMAT